

30 SEP 2003

Mahathir-Maritim

MAHATHIR LANCAR BAHAGIAN MARITIM LIMA 03

LANGKAWI, 30 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tengah hari ini melancarkan segmen Maritim di Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 2003 (LIMA 03) dalam satu majlis yang ringkas tetapi penuh bermakna.

Dr Mahathir yang diiringi Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah memotong reben sebagai menandakan pelancaran segmen pameran itu di Awana Porto Malai di sini.

Ini disusuli dengan satu demonstrasi oleh Pasukan Khas Laut (Paskal), iaitu pasukan Komando Tentera Laut Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang menunjukkan keupayaan mereka di air.

Perdana Menteri juga menyaksikan lintas hormat oleh enam helikopter daripada kapal-kapal yang berlabuh di situ sempena LIMA `03. Dr Mahathir kemudian ke pusat pameran maritim di mana beliau melancarkan Business Focus Sdn Bhd, iaitu syarikat induk PSC Naval Dockyard yang dimiliki oleh ahli perniagaan, Tan Sri Amin Shah.

Semasa pelancaran Business Focus lagu Melayu popular, Lagenda, yang disampaikan oleh Datuk Sharifah Aini kedengaran.

Lagu itu diiringi oleh satu klip video yang menunjukkan pencapaian Perdana Menteri sepanjang beliau berkuasa sejak 22 tahun lepas. Beliau kemudian disampaikan satu versi VCD klip video itu.

Selepas itu, beliau menaiki bot untuk melawat kapal-kapal yang berlabuh di venue pameran maritim itu.

Dr Mahathir juga menyaksikan penyerahan rasmi satu unit helikopter maritim Super Lynx 300 buatan Britain kepada Tentera Udara Diraja Malaysia.

-- BERNAMA

SR MAD PR